

20 APR 1998

Mahathir-Olsen

AUSTRALIA SELATAN BERMINAT TINGKAT HUBUNGAN PENDIDIKAN DENGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Australia Selatan bersedia memperluaskan hubungan pendidikannya dengan Malaysia melalui penubuhan lebih banyak kampus cawangan universiti-universitinya di sini.

Ketua Menteri Australia Selatan John Olsen menyatakan demikian kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan mereka selama 30 minit di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Olsen berkata dengan pergerakan mata wang antarabangsa, Australia telah menjadi lokasi yang amat kompetitif bagi pendidikan tinggi berbanding Amerika Syarikat dan Eropah.

"Kami hanya mahu menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dalam memperluaskan peluang pendidikan yang ada," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Olsen yang diiringi 30 anggota rombongan tiba di sini semalam untuk lawatan empat hari bagi meninjau hubungan jangka panjang yang boleh dijalin dengan ahli perniagaan Malaysia dalam bidang-bidang seperti pendidikan dan kesihatan.

Beliau berkata sejumlah universiti dari Australia termasuk Australia Selatan telah menubuhkan kampus cawangan mereka di Malaysia.

Tiga universiti di Australia Selatan -- Flinders, Adelaide dan Universiti Australia Selatan -- baru-baru ini telah menyediakan pakej bersama untuk menarik bakal pelajar dari Malaysia.

Olsen berkata beberapa kampus cawangan Australia Selatan di Malaysia menawarkan kursus-kursus yang boleh dijalani sebahagiannya di sini dan kemudian di Australia.

Mengenai perbincangannya dengan Dr Mahathir, Olsen berkata ia amat berhasil dan mereka telah berbincang mengenai beberapa isu penting termasuk Koridor raya Multimedia (MSC) .

Sambil menyifatkan MSC sebagai satu projek berwawasan, beliau berkata ia akan meletakkan asas ekonomi bagi Malaysia untuk alaf akan datang.

Olsen juga berkata beliau membincangkan dengan Dr Mahathir mengenai usahama antara syarikat Australia Selatan dengan syarikat dalam industri kereta Malaysia.

Katanya usahasama itu melibatkan projek penyelidikan dan pembangunan antara syarikat-syarikat berkenaan.

Olsen sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

-- BERNAMA

ES RON